

**Pakatan akan fail 24 petisyen pilihan raya minggu ini**  
**Malaysian Insider**  
**June 10, 2013**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

PETALING JAYA, 10 Jun – Pakatan Rakyat (PR) akan memfailkan 24 petisyen membabitkan 24 kerusi Parlimen Pilihan Raya 2013 di seluruh negara minggu ini.

Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli berkata PR juga akan turut memfailkan 10 lagi petisyen pilihan raya membabitkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Daripada keseluruhan jumlah petisyen kerusi Parlimen itu, 19 daripadanya adalah daripada PKR, dan baki masing-masing empat bagi PAS dan dua bagi DAP.

“Satu petisyen membabitkan jumlah RM10,000 untuk petisyen dan RM5,000 bagi urusan pemfailan kes, justeru kami memerlukan sekitar RM1.5 juta bagi kesemua petisyen,” kata Rafizi kepada pemberita di Ibu Pejabat PKR di sini.

Jelas ahli Parlimen Pandan itu lagi, untuk kerusi Parlimen Bagan Datoh yang dimenangi oleh Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, pihaknya akan memfailkan dua petisyen, yang mana salah satunya adalah petisyen perbelanjaan melebihi RM200,000 seperti yang diperuntukkan Akta Pilihan Raya.

“Kami mendapat maklumat beliau memberikan RM100 dan 5kg beras kepada 24,000 pengundi di sana yang mana menjadikan perbelanjaan untuk itu sahaja lebih RM2 juta,” katanya.

Kesemua petisyen berkenaan juga jelasnya akan difailkan secara berasingan mengikut negeri masing-masing.

Serentak dengan itu, PKR, jelas pemimpin muda itu akan memfailkan tindakan undang-undang termasuk petisyen berasingan di Sabah menuntut mahkamah menyemak senarai pengundi yang dicemari pengundi hantu berdasarkan keterangan yang dibuat Suruhanjaya Diraja (RCI) Sabah, dakwanya.

Abdul Zaid Hamidi: Menghadapi dua petisyen. – Gambar failPembangkok juga jelasnya akan mengambil tindakan undang-undang bagi mengisytihar pindaan Seksyen 9A Akta Pilihan Raya yang menghalang kesahihan daftar pengundi dicabar di mahkamah bertentangan (ultra vires) dengan Perlembagaan.

“Pindaan Seksyen 9A yang dibuat selepas Pilihan Raya Kecil Likas pada 1999 berkemungkinan disalahgunakan untuk melindungi pengundi hantu,” dakwa Rafizi, dan menambah pasukan yang dibentuk untuk tujuan itu akan diketuai pakar perlembagaan mereka, Dr Aziz Bari.

Selain itu mereka juga akan mengemukakan saman terhadap Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusuf dan timbalannya Datuk Wan Ahmad Wan Omar serta ahli-ahli SPR ekoran kegagalan dakwat kekal untuk berfungsi dengan baik.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-akan-fail-25-petisyen-pilihan- raya-minggu-ini/>